

BAHAGIAN 1

**GARIS PANDUAN
PEMERIKSAAN DAN PENGENDALIAN KESIHATAN
MURID UNTUK ANGGOTA PASUKAN KESIHATAN SEKOLAH**

Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Di Sekolah Untuk Anggota Pasukan Kesihatan Sekolah

UNIT	PERKARA	MUKA SURAT
UNIT 1	Pemerhatian Murid Secara Umum • Gaya berdiri • Cara berjalan • Kebersihan diri • Ekspresi muka • Tingkah laku	2-3
UNIT 2	Status Pemakanan • Berat badan - Obesiti - Berlebihan - Susut	4-5
UNIT 3	Pemeriksaan Kepala Dan Kulit Kepala • Kebersihan dan keadaan rambut • Rambut rapuh • Kelemumur • Kutu kepala • Kurap (<i>Tinea Capitis</i>) • <i>Psoriasis</i> • <i>Alopecia</i>	5-9
UNIT 4	Muka • Pucat • Jerawat • Tompokan putih	10-12
UNIT 5	Mata Dan Ujian Penglihatan • Mata normal • Juling • <i>Ptoxis</i> • <i>Exophthalmus</i> • Mata merah • Ketumbit • <i>Chalazion</i> • Pucat konjuntiva • Jaundis • Edema kelopak mata • Kecederaan mata	13-20

UNIT 6

Hidung, Mulut Dan Tekak

21-25

- Hidung**
- Lelehan hidung
 - Hidung berdarah
- Mulut**
- Bibir sumbing
 - *Angular Stomatitis*
 - Ulser
 - Gigi
- Tekak**
- Tonsil normal
 - Tonsil bengkak
- Lidah**
- *Smooth Tongue* (lidah licin)
 - *Lymanosis* (lidah biru)
 - *Thrush* (Keputihan lidah)

UNIT 7

Telinga Dan Ujian Pendengaran

26-28

- Kecacatan cuping**
- Lelehan telinga
 - Jangkitan telinga
 - Telinga berdarah
 - *Impacted wax* (seruman telinga padat)
 - Saringan pendengaran

UNIT 8

Leher

29-30

- Leher**
- *Goiter* (Pembengkakan kelenjar tiroid)
 - Tortikolis
 - Bengkak kelenjar limfa
 - *Webbing neck*

UNIT 9

Tangan Dan Lengan

31-32

- Bentuk Kuku**
- *Spoon nail/ Koilonychia*
 - Kuku rapuh
 - *Clubbing*
- *Scabies* (Kudis Buta)
 - Lengan
 - Kecacatan jari

UNIT 10

Dada

33-34

- Bentuk dada tidak normal
- Masalah jantung

UNIT 11

Abdomen

35

- *Scapoid Abdomen*
- *Distended Abdomen*

UNIT 12

Otot Rangka

36

- Kecacatan anggota
- Tulang belakang

UNIT 13

Genitalia

37-41

- *Precocious puberty* (Kematangan awal)
- *Scrotum* - *Hydrocele*
 - *Hernia*
- *Testes* - *Undescended testes*
 - *Orchitis/ Orchiditis*
- *Penis* (Zakar) - *Normal penis*
 - *Phimosis*
 - *Hypospadias*
 - *Penile/ Vaginal Discaj*
 - *Ambiguous Genitalia*

UNIT 14

Kaki

42-44

- Kebersihan kaki
- Kurap air
- *Ingrowing toe nail* (Kuku cengkam / cagu)
- Kecacatan kaki

UNIT 15

Kulit

45-51

- Kebersihan kulit
- *Scabies* (Kudis buta)
- *Impetigo*
- *Ekzema*
- Bisul
- Parut
- *Tinea* (Kurap)
- *Pytiriasis Vesicolor* (Panau)
- Ketuat
- *Moluscum Contangiosum*

UNIT 16

Penderaan

52-53

- Penderaan fizikal
- Penderaan emosi
- Penderaan seksual
- Pengabaian Kanak-kanak (*Child Neglect*)

UNIT 17

Kesihatan Tingkahlaku

54

- Tingkahlaku berisiko
 - Merokok/ dadah/ arak/ gam
 - Buli
 - *Conduct Disorder*
- Kesihatan Seksual
- Kesihatan Mental
 - Kemurungan
 - Keresahan (*Anxiety*)

PRAKATA



Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah adalah satu adalah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada murid-murid yang berada di sekolah bagi memastikan penjagaan kesihatan yang optima melalui promosi kesihatan pencegahan penyakit, rawatan dan rujukan. Perkhidmatan kesihatan telah dimulakan di Negara ini pada tahun 1967 dan mulai 1975 Pasukan-Pasukan Kesihatan Sekolah ditubuhkan bagi membolehkan lawatan dibuat ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia.

Saya melihat usaha menerbitkan Buku Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan sekolah adalah sebagai satu usaha bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kepada murid sekolah secara sistematik. Buku Garis Panduan ini dapat membantu Pegawai Perubatan dan anggota kesihatan Pasukan Kesihatan Sekolah mengesan masalah-masalah kesihatan yang boleh menghalang pencapaian akademik sekolah dan seterusnya membuat rujukan awal . Walaupun perkhidmatan diberikan di luar premis Kementerian Kesihatan, setiap anggota yang berkhidmat dalam Pasukan Kesihatan Sekolah perlu memberikan perkhidmatan yang holistik dan berkualiti. Oleh itu setiap anggota perlu merujuk kepada Buku Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan sekolah ini bagi memastikan setiap murid mendapat perkhidmatan yang optima mengikut umur mereka.

Saya berharap penggunaan garis panduan ini dapat membantu Pasukan Kesihatan Sekolah dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan perkhidmatan kesihatan sekolah dengan lebih efisien dan efektif.

Selamat Maju Jaya

Selamat Maju Jaya

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Lokman', with a stylized flourish at the end.

Datuk Dr Lokman Hakim bin Sulaiman

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PRAKATA



Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah berjaya diterbitkan. Buku Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah ini memperjelas kaedah pemeriksaan dan tindakan rawatan keatas murid-murid sekolah oleh anggota dalam Perkhidmatan Kesihatan Sekolah serta proses kerja piawai yang ditetapkan dalam Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

Selaras dengan perkembangan terkini bidang perubatan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil inisiatif untuk mengeluarkan buku garis panduan . Buku garis panduan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan apabila seseorang pegawai bertukar masuk ke dalam Pasukan Kesihatan Sekolah. Adalah diharapkan dengan adanya Buku Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah ini, anggota Kesihatan Pasukan Kesihatan Sekolah dapat menjalankan kerja dengan lebih sistematik dan berkesan.

Penyediaan buku garis panduan ini adalah hasil dari usaha gigih dan kerjasama yang erat dari kalangan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan Kesihatan Sekolah, Penolong Pegawai Perubatan dan anggota kejururawatan yang berpengalaman dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

Usaha ini amat dihargai dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan buku garis panduan ini. Adalah diharapkan agar buku ini dapat membantu kepada Pegawai Perubatan dan anggota Pasukan Kesihatan Sekolah ke arah peningkatan mutu perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan kualiti kesihatan yang baik kepada murid- murid sekolah.

To' Puan Dr Hajjah Safurah bt Jaafar

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

PENDAHULUAN

Pemeriksaan kesihatan yang berkala adalah perlu bagi memastikan pelajar mempunyai status kesihatan yang optima sepanjang tempoh persekolahan. Bagi memastikan pelajar mencapai kemampuan maksima mereka perlu mempunyai kesihatan fizikal, mental, sosial dan rohani yang baik. Oleh itu buku panduan ini di bentuk bagi membantu anggota kesihatan sekolah sebagai rujukan asas dalam mengendalikan tugas hakiki.

OBJEKTIF GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN DAN RAWATAN KESIHATAN DI SEKOLAH

1. Menyediakan satu standard garis panduan kepada semua anggota pasukan kesihatan sekolah.
2. Membantu anggota pasukan kesihatan sekolah untuk menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap pelajar sekolah.
3. Melaksanakan pemeriksaan fizikal dengan lebih terperinci dan teratur.
4. Meningkatkan pengesanan awal penyakit dan membuat rujukan.
5. Memudahkan latihan kepada anggota pasukan kesihatan sekolah yang baru.

CARA MENGGUNAKAN BUKU GARISPANDUAN PEMERIKSAAN DAN RAWATAN KESIHATAN DI SEKOLAH

Buku ini terdiri dari 17 UNIT yang memperincikan kaedah pengendalian kesihatan murid sekolah. Garis panduan ini perlu diguna pakai bersama-sama dengan Standard Operating Prosedur Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.



UNIT 1 : PEMERHATAN MURID SECARA UMUM

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
1	Gaya berdiri	Pemerhatian - Cara murid berdiri - Paras bahu	- Paras bahu tidak sama	Syaki murid ada kecacatan tulang belakang atau kaki. Rujuk lampiran Saringan Skoliosis
2	Cara berjalan	Pemerhatian : - Kecacatan anggota - Cara murid berjalan untuk jarak 3 meter kemudian pusing dan berjalan kearah anda semula.	- Gaya berjalan tidak normal : Contoh: • 'Scissor's gait' (<i>spastic paraparesis</i>): - o Kedua-dua kaki lurus dan kejang, mengheret kaki ketika berjalan dan lutut tidak boleh dibengkokkan. • 'Waddling' (seperti itik berjalan): - o Pinggul kelihatan senget ketika berjalan- (<i>hips tilted alternately - congenital hip dislocation/ old polio</i>) - o Menggunakan tongkat atau berkaki palsu	- Dapatkan sejarah penyakit dari murid. - Sekiranya murid telah / sedang di rawat, dapatkan maklumat lanjut dan isi dalam Buku RKM1 - Sekiranya belum pernah mendapat rawatan rujuk kes ke Pegawai Perubatan (PP)



BIL	PEMERHATIAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
3	Kebersihan diri	Perhatikan pakaian, kasut dan penampilan keseluruhan.	- Pakaian dan kasut tidak terurus/ comot - Rambut tidak terurus	Syaki dan lakukan pemeriksaan bagi mengesan - Penyakit berkaitan kebersihan diri seperti kutu kepala, jangkitan cacing, kudis buta dan lain-lain. - Kes pengabaian - Rujuk unit 15 sekiranya ada masalah kulit - Rujuk unit 16 sekiranya mensyaki penderaan.
4	Ekspresi muka	Pemerhatian	Ekspresi muka seperti : - Ceria - Muram - Stres	Syaki penderaan/ masalah mental/ masalah pembelajaran. Dapatkan sejarah dan tanda-tanda penderaan. Rujuk unit 16 dan 17
5	Tingkah laku	Pemerhatian	- Hyperaktif - Mengasingkan diri dari rakan - Mempunyai pergerakan tubuh yang tidak normal /tidak terkawal (<i>involuntary</i>)	



UNIT 2 : STATUS PEMAKANAN

BIL	PEMERHATIAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
1.	Tinggi terbantut	Panduan menimbang berat badan dan ukur tinggi Rujuk lampiran RKM1 (pindaan 2009 m/s 26)	Rujuk pada carta pertumbuhan WHO 2007, (Tinggi untuk umur) 1. Jika masalah berkaitan dengan pemakanan Ketinggian pada tahap Z- skor a. Terbantut : SKOR 3 HINGGA 3 b. Terbantut teruk (Z skor < -3SD) 2. Jika masalah tidak berkaitan dengan pemakanan Contoh: Keturunan, <i>Syndrom Malabsorbtion</i> (boleh berpunca dari jangkitan cacing yang kronik), <i>Growth Hormone Deficiency</i> , <i>Chronic Diarrhoea</i> dan <i>Hypothyroid</i> .	Nasihat pemakanan diberi oleh Jururawat Kesihatan (JK)/ Penolong Pegawai Perubatan (PPP)/ PP Nasihat kepada guru / ibubapa untuk mendapatkan rawatan di klinik sekiranya masalah berterusan melebihi setahun Rujuk kepada Pegawai Sains Pemakanan (PSP) Rujuk PP/ Pakar Perubatan Keluarga (FMS)
2.	Berat badan: a. Obesiti b. Berleblehan c. Susut		Rujuk pada carta pertumbuhan WHO 2007, (BMI Untuk Umur) 1. Jika masalah berkaitan dengan pemakanan BMI pada tahap Z- skor a. Berleblehan Berat Badan : SKOR 3 HINGGA 3 B / BESITI : SKOR 3 C 3USUT : SKOR 3 HINGGA 3 d. Susut teruk (Z skor kurang -3SD)	Nasihat pemakanan diberi oleh Jururawat Kesihatan (JK)/ Penolong Pegawai Perubatan (PPP) Nasihat kepada guru / ibubapa untuk mendapatkan rawatan di klinik sekiranya masalah berterusan melebihi 6 bulan Rujuk kepada Pegawai Sains Pemakanan (PSP)



BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
			2. Jika masalah tidak berkaitan dengan pemakanan Contoh: <i>Cushing syndrome, Edema, Diabetes, masalah kelenjar Thyroid, infeksi (Tuberculosis, AIDS), Kanser, pengambilan steroid dan Polycystic Ovarian Syndrome.</i>	Rujuk PP/ Pakar Perubatan Keluarga (FMS)

UNIT 3: PEMERIKSAAN KEPALA DAN KULIT KEPALA

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
1	Kebersihan dan keadaan rambut	Perhatikan keseluruhan rambut, perubahan pada rambut (warna dan tekstur), keguguran rambut dan keadaan kulit kepala Selak rambut murid dan perhatikan - Kelemumur - Telur kutu.	• Rambut kotor, kusut, berminyak, busuk dan berketu. • Perubahan warna : rambut putih/ uban/ perang • Tekstur : rapuh atau kasar. • Keguguran rambut : menyeluruh atau tompokan. • Keadaan kulit kepala : kelemumur atau berketu	Pengendalian JK: • Nasihat mengenai kebersihan rambut
2	Rambut rapuh	- Kudis kepala - Kurap - Psoriasis	• Rambut berasa kasar, kering, jarang, berwarna keperangan dan mudah putus bila disikat/ sentuh. • Disebabkan masalah kekurangan zat makanan , anemia atau <i>hypothyroidism</i>.	Pengendalian JK: • Nasihat pemakanan seimbang dan tinggi zat besi. • Pemerhatian keatas tanda-tanda anemia/ masalah <i>Thyroid</i> lain dan rujuk Pegawai Perubatan untuk pengesanan.



BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
3	Kelemumur		Kulit kepala yang mati dan kering, mengelupas secara berlebihan membentuk kepingan putih dan berminyak. Boleh menyebabkan kegatalan.	Rujuk Pegawai Perubatan - Sapu kepala dengan syampu yang mengandungi anti kelemumur seperti Zinc Pyritone atau Selenium Sulphide (selsun), gosok kulit kepala selama 5 minit kemudian cuci dan bilas bersih, dua kali seminggu. - Kelemumur yang berterusan dengan gatal dan kepingan putih yang banyak mungkin disebabkan oleh <i>Seborrhoeic Dermatitis</i> atau <i>Psoriasis</i>.
4	Kutu kepala		Kutu kepala: - Gatal di kulit kepala - Rambut biasanya berbau - Kelihatan telur kutu melekat di pangkal rambut. - Mungkin terdapat kudis atau luka.	Pengendalian JK : - Serahkan slip rawatan dan pencegahan kutu kepala untuk ibu bapa Cara penggunaan ubat : - Sapukan ubat kutu seperti 0.1% Gamma Benzene Hexachloride pada keseluruhan kulit kepala, balut kepala dengan tuala dan biarkan mengikut masa yang di sarankan. - Tidur dengan kepala



BIL	PEMERHATIAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
				berbalut dan cuci rambut dengan syampu. • Rawat semua ahli keluarga yang telah dijangkiti dan semua orang yang bergaul dengan pesakit. • Ulangi sapuan selepas 1 minggu jika perlu. Nasihat: • Cuci semua pakaian, tuala dan alas tidur • Elakkan berkongsi sikat . • Elakkan berambut panjang
5	Kurap (<i>Tinea Capitis</i>)		Gambar kurap kepala	Rujuk PP • Beri ubat Griseofulvin 10-15 mg/ kg/ 24h selama 6 minggu. • Sapu krim Clotrimazole atau Miconazole. Nasihat: • Elak berambut panjang. • Elak berkongsi menggunakan alatan



BIL	PEMERHATIAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
			 Keadaan kulit kepala bersisik, berkeruping atau keguguran rambut / botak. Rambut senang terputus.	rambut atau kepala seperti sikat, berus atau penutup kepala. • Rambut hendaklah dibasuh selalu dengan syampu. • Keringkan rambut sebelum memakai tudung atau songkok
6	Psoriasis (kulit yang tidak normal dimana kulit menebal lebih cepat dari biasa dan tidak berjangkit)		 Kelihatan plak keruping tebal pada sebahagian atau seluruh kulit kepala. Plak berwarna kemerahan dan keruping putih yang senang gugur. Jika teruk berlaku keguguran rambut. Kawasan yang biasa dihidapi adalah kulit kepala, lutut, siku serta bahagian badan lain termasuk kuku. Boleh mengakibatkan sakit sendi.	Rujuk PP untuk pengesanan dan rawatan lanjut.

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PENGESANAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
7	Alopecia (contoh: <i>Alopecia Areata</i> boleh disebabkan oleh <i>Hereditary</i>, penyakit Autoimmune , ubat, infeksi)		Gambar Alopecia  Keguguran rambut sehingga kelihatan botak atau nipis, samada menyeluruh atau sebahagian/ tompokan. 	Rujuk PP untuk rawatan lanjut

UNIT 4 : MUKA




BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	RAWATAN								
1	Pucat	1. Mengenal pasti tanda-tanda anemia 2. Ujian makmal (jika ada peralatan)	Leth, lesu, tidak berupaya melakukan aktiviti berat. Kelihatan pucat di muka, tapak tangan, membran mukus (mulut dan konjuktiva). Mungkin terdapat <i>Glossitis</i>, <i>Koilonychia</i> (rujuk gambar di Unit 9) atau <i>Angular Stomatitis</i> (rujuk gambar di Unit 6). Pucat adalah salah satu tanda kecacingan. Nota: Tanda-tanda kecacingan ialah (bergantung kepada jenis cacing) :- <table><thead><tr><th>Jenis cacing</th><th>Tanda-tanda penyakit</th></tr></thead><tbody><tr><td>Cacing kerawit (<i>Ancylostomadoenia nali Necator Americanus</i>)</td><td>Anemia (pucat yang disebabkan oleh kehilangan darah), tidak hadam makanan, batuk, pening, rasa mual, muntah, keletihan, gatal dan kemerahan pada tapak kemasukan cacing.</td></tr><tr><td>Cacing gelang (<i>Ascaris Lumbricoides, Ascaris Suum</i>)</td><td>Tiada masalah pada jangkitan rendah, sakit perut, cirit-birit, saluran pemakanan tersumbat, tindak balas alergi.</td></tr><tr><td>Cacing rambu <i>Enterobius vermicularis</i></td><td>Tidak hadam makanan, gatal pada bahagian dubur terutama pada waktu malam dan tidak cukup tidur, aktiviti garu boleh menyebabkan jangkitan.</td></tr></tbody></table>	Jenis cacing	Tanda-tanda penyakit	Cacing kerawit (<i>Ancylostomadoenia nali Necator Americanus</i>)	Anemia (pucat yang disebabkan oleh kehilangan darah), tidak hadam makanan, batuk, pening, rasa mual, muntah, keletihan, gatal dan kemerahan pada tapak kemasukan cacing.	Cacing gelang (<i>Ascaris Lumbricoides, Ascaris Suum</i>)	Tiada masalah pada jangkitan rendah, sakit perut, cirit-birit, saluran pemakanan tersumbat, tindak balas alergi.	Cacing rambu <i>Enterobius vermicularis</i>	Tidak hadam makanan, gatal pada bahagian dubur terutama pada waktu malam dan tidak cukup tidur, aktiviti garu boleh menyebabkan jangkitan.	Nasihat pemakanan oleh JK/PPP/PP Rujuk PP untuk pengesanan anaemia, saringan Thalasaemia dan rawatan. Garis panduan Pengurusan masalah anaemia remaja (GPPKR di peringkat KP)- ms 102-103 Rawatan ubat cacing jika perlu dan nasihat kebersihan diri
Jenis cacing	Tanda-tanda penyakit											
Cacing kerawit (<i>Ancylostomadoenia nali Necator Americanus</i>)	Anemia (pucat yang disebabkan oleh kehilangan darah), tidak hadam makanan, batuk, pening, rasa mual, muntah, keletihan, gatal dan kemerahan pada tapak kemasukan cacing.											
Cacing gelang (<i>Ascaris Lumbricoides, Ascaris Suum</i>)	Tiada masalah pada jangkitan rendah, sakit perut, cirit-birit, saluran pemakanan tersumbat, tindak balas alergi.											
Cacing rambu <i>Enterobius vermicularis</i>	Tidak hadam makanan, gatal pada bahagian dubur terutama pada waktu malam dan tidak cukup tidur, aktiviti garu boleh menyebabkan jangkitan.											

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	RAWATAN
2	Jerawat	Perhatikan pada kulit muka, dada dan belakang.	Jerawat ringan: Sedikit <i>Komedon, Papule, Pustule</i>, tiada nodul atau <i>Cyst</i>.  Jerawat sederhana: <i>Komedon</i> > 20, <i>Nodule</i> > 10, <i>Papule/ Pustule</i> banyak, sedikit parut, tiada <i>Cyst</i> atau trak sinus. Jerawat teruk: Banyak <i>Nodule, Papule/ Pustule</i>, berparut hampir seluruh muka, terdapat <i>Cyst</i> dan trak sinus.	Rujuk PPP/ PP Jerawat ringan Pengendalian : Rawatan 2 – 6% <i>Sulfur in Calamine Lotion</i>. Nasihat pemakanan seimbang Jerawat sederhana atau teruk: Rujuk PP/ FMS/ Pakar Dermatologi untuk rawatan. Rujuk Garis panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Remaja Diperingkat Kesihatan Primer 2005 ms 151- 154.

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	RAWATAN
				
3	Tompokan putih	a) <i>Pityriasis Alba</i> b) <i>Pityriasis Versicolor</i> (Panau)	• Tompok-tompok biasanya dilihat di bahagian muka terutamanya di pipi. • Ia juga boleh dilihat di bahagian leher, anggota atas dan bahagian badan. • Kulit bersisik kecil dan sukar untuk diikiskan • Tidak gatal • Rujuk unit 15 (kulit)	Pengendalian JK/ PPP: • Biasanya tiada rawatan diberikan kerana tompok-tompok ini akan hilang dengan sendirinya • Nasihat gunakan pelembap/ krim pelindung matahari. Rujuk unit 15 (kulit)


UNIT 5 : MATA DAN UJIAN PENGLIHATAN

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
1.	Mata normal	Mata perlu diperhatikan dari hadapan, sisi dan atas. Dari hadapan, perhatikan saiz dan simetri. Uji tahap penglihatan dengan carta penglihatan.	• Kedudukan kedua mata adalah selari • Mata hitam berada ditengah mata • Kornea jernih. • Anak mata tidak putih.	
2.	a. Juling Mata yang juling boleh menyebabkan kanak-kanak tidak dapat melihat dengan sempurna. Jika tidak dirawat dengan segera (sebelum kanak-kanak berumur 6 tahun) mengakibatkan	Gunakan lampu suluh untuk melihat di mana cahaya tersebut jatuh di tengah anak mata	• Kedudukan mata hitam tidak selari/ sejajar dan kelihatan memerhati ke arah yang berlainan. • Satu mata bergerak dengan normal tetapi mata di sebelahnya bergerak samada ke dalam, ke luar, ke atas atau ke bawah • Juling menumpu/ ke dalam (<i>convergent</i>)	Pengendalian JK: Lakukan ujian penglihatan. Tentukan status penglihatan. Rujuk PPP/ PP Lakukan <i>cover test</i> : 1. Arah pelajar melihat pada objek dihadapan. 2. Tutup sebelah mata (<i>fixing eye</i>), mata yang juling akan bergerak supaya dapat fokus. 3. Alihkan penutup pada mata juling. Mata normal akan kekal tidak bergerak

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	b. Mata malas <i>Lazy Eye</i> (<i>Amblyopia</i>)		 Juling mencapah/ juling keluar (<i>divergent</i>)  Kedudukan mata hitam tidak selari 	Sekiranya murid mempunyai masalah rujuk pakar mata.   Tidak memerlukan rawatan atau rujukan kerana keadaan ini akan hilang bila pelajar semakin membesar.

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	b. <i>Pseudosquint (Juling palsu)</i> Keadaan di mana mata kelihatan juling tetapi sebenarnya tidak akibat dari bentuk kelopak mata atau pangkal hidung yang masih lebar dan leper		Apabila disuluhkan cahaya lampu pada anak mata pantulan cahaya yang terhasil jatuh pada tengah mata (selari) ,sekiranya juling pantulan cahaya jatuh pada tempat berlainan a. <i>Pseudosquint</i> .  b. <i>Squint</i> 	
3.	<i>Ptosis</i>	Pemerhatian	Kelopak mata atas jatuh (mata kuyu) 	Pengendalian JK Lakukan ujian penglihatan. Tentukan status penglihatan. Rujuk PP Kemungkinan diagnosa : 1. <i>Congenital</i> 2. <i>Oculomotor palsy</i> 3. <i>Myasthenia gravis</i> 4. <i>Horner syndrome</i> Rujuk Pakar Mata sekiranya perlu

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
4.	Exophthalmus	Pemerhatian	 Mata kelihatan terbonjol keluar. Sklera (mata putih) dapat dilihat dengan ketara di bahagian atas dan bawah iris (mata hitam) 	Pengendalian JK: Lakukan ujian penglihatan. Tentukan status penglihatan Rujuk PP Kemungkinan diagnosa: 1. <i>Autoimmune Disease- Thyrotoxicosis, Grave Disease</i> 2. <i>Inherited</i> 3. <i>Cancer-Retroorbital tumour</i> 4. <i>Trauma</i> 5. <i>Infection-orbital cellulitis, sinus</i> Rujuk Pakar Mata untuk tindakan lanjut
5.	Mata merah	Pemerhatian pada <i>konjunktiva palpebra</i>/dan <i>bulbar</i>. Kelihatan discaj mata.	Syaki murid mengalami • Jangkitan mata (<i>Konjunktivitis/ Keratitis</i>): mata merah dan berair, mata rasa berpasir, silau, penglihatan tidak jelas. • Alahan (<i>Allergic Conjunctivitis</i>): Mata gatal, tahi mata bertali • Gambar jangkitan mata – Konjunktivitis	Pengendalian JK : Maklum guru keadaan murid dan minta murid di di asingkan bagi mengelakkan jangkitan kepada murid lain. Nasihat : • Bersihkan mata dengan air setiap kali mata bertahi. • Kerap cuci tangan sebelum dan selepas menyentuh mata/ menitik ubat

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
				• Elak berkongsi tuala • Elak berada di tempat awam. • Jangan berkongsi ubat titis mata. • Guna ubat mengikut nasihat doktor sahaja • Tidak memakai kanta sentuh semasa jangkitan Jika alahan : Kenalpasti punca alahan dan hindarinya Rujuk PPP/ PP untuk rawatan Catatan: Sekiranya penglihatan kabur atau sakit semasa mengerakkan mata, rujuk hospital segera. (Kemungkinan <i>Preseptal Cellulitis</i>) Rujuk: Manual Penjagaan Mata untuk anggota Kesihatan Primer 1997
6	Ketumbit (Stye) (Jangkitan sekitar bulu mata)	Lihat pada kelopak mata dan sekitar bulu mata	 Kelopak mata merah dan berbenjol. Mungkin terdapat punat nanah.	Rujuk PPP/ PP untuk rawatan. Tuam dengan tuala panas selama 10 – 15 minit. Sapu krim antibiotik (<i>Chloramphenicol Ointment</i>)

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
7.	Chalazion (Kebengkakan di kelopak mata pada kelenjar <i>meibomian</i>)		 Gambar Chalazion	Cabut bulu mata yang dijangkiti. Rujuk: Manual Penjagaan Mata untuk anggota Kesihatan Primer 1997 Rujuk PP untuk rujukan Pakar mata Rujuk: Manual Penjagaan Mata untuk anggota Kesihatan Primer 1997
8.	Pucat konjuntiva	Tarik kelopak mata bawah perlahan-lahan dan perhatikan warna konjuntiva.	- Syaki murid mengalami anemia sekiranya pucat. - Periksa tanda-tanda anemia lain seperti lidah, kuku, ciri-ciri penyakit tertentu seperti talasemia, periksa kelenjar limfa.	Nasihat pemakanan oleh JK/ PPP/ PP Rujuk PP untuk pengesanan anaemia, Saringan Talasemia dan rawatan. Rujuk :Garis panduan Pengurusan Masalah <i>Anaemia</i> Remaja (GPPKR di peringkat KP)-muka surat (102-103)

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
9.	Jaundis	Arah murid melihat ke bawah. Tarik kelopak mata atas dan lihat warna sklera	Gambar Jaundis (Sklera bewarna kuning) 	Rujuk PP untuk pemeriksaan lanjut Kemungkinan diagnosa : 1. <i>Hepatitis</i> 2. <i>Hemolytic anemia</i> 3. <i>Obstructive jaundis</i> 4. Infeksi .
10.	Edema kelopak mata	Perhatikan: Sekeliling mata dan keseluruhan muka . Lakukan pemeriksaan <i>edema</i> pada kaki, skrotum dan perut	Kelopak mata dan sekitarnya kelihatan bengkak. 	Rujuk PP dengan segera untuk pemeriksaan lanjut. Rujuk: Manual Penjagaan Mata untuk anggota Kesihatan Primer 1997 Kemungkinan diagnosa: 1. <i>Sindrom nephrotik</i> 2. <i>Trauma</i> 3. Infeksi 4. Reaksi alergi 5. <i>Angioedema</i>
11.	Kecederaan mata	Pemerhatian dan pemeriksaan mata	- bengkak dan lebam pada kelopak mata. - Pendarahan subkonjuntiva - abrasi kornea - kecederaan teruk menyebabkan pendarahan dalam mata	Rujuk PP untuk pemeriksaan dan rujukan ke Pakar Mata dengan segera. Rujuk: Manual Penjagaan Mata untuk anggota Kesihatan Primer 1997

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
			Punca : - Objek tumpul - tumbukan, alat permainan atau sukan . - Objek tajam - pensil, gunting, serpihan cermin. - Bendasing: Logam, serpihan kayu, habuk. - Bahan kimia: asid, alkali, cat, racun.	

UJIAN PENGLIHATAN

Bil	UJIAN	PERALATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TINDAKAN DAN RAWATAN
1.	Murid yang boleh membaca	Carta Snellen 6 meter	Rujuk lampiran	Rujuk lampiran
2.	Murid tidak boleh membaca	Carta E		
3.	Murid pendidikan Khas	Carta Khas		



UNIT 6 : HIDUNG, MULUT DAN TEKAK

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	Hidung			
1.	Lelehan hidung Lelehan hidung biasanya lendir/ <i>mukoid</i> /atau hingus berair yang disebabkan oleh jangkitan saluran pernafasan, reaksi <i>vasomotor</i> atau <i>Allergic Rhinitis</i> .	Perhatikan samada terdapat lelehan hidung Dapatkan sejarah penyakit dari murid, dan tanda-tanda lain seperti: - Demam - Batuk - Sakit kerongkong Ambil suhu badan murid dan tentukan samada murid demam	• Lelehan berdarah • Bernanah • Berair atau • Berlendir/ mukoid. Samada <i>unilateral</i> /atau <i>bilateral</i> /dan menyebabkan hidung tersumbat.	Pengendalian JK : Sekiranya murid mempunyai suhu melebihi T 38 °C, maklum kepada guru . Rujuk PPP/PP untuk rawatan.
2	Hidung berdarah	Dapatkan sejarah penyakit, penilaian keterukan, masalah pendarahan lain	Tanda pendarahan atau keruping darah beku.	Pengendalian JK : Beri nasihat teknik memberhentikan pendarahan hidung kepada murid. Duduk tegak dan bongkok sedikit kehadapan - Tundukkan kepala kehadapan - Picit hidung dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk selama 10 minit. Rujuk PP sekiranya pendarahan berterusan

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	Mulut			
1.	Bibir Sumbing	Perhatikan bahagian atas bibir. Lihat bibir sumbing atau parut pembedahan pembedahan. Jika bercakap dengan <i>nasal/speech</i>, periksa bahagian lelangit.	Gambar bibir atas sumbing  Sumbing bibir: terdapat rekahan pada bibir atas. • Sumbing Lelangit : terdapat rekahan pada garis tengah lelangit. • Sengau ("<i>hypernasal speech</i>") • Pertuturan tidak fasih. • Kecacatan pada gusi atas/lelangit • Bentuk gigi yang tidak normal atau tiada gigi.	Rujuk PP jika masih belum menerima atau cicir rawatan
4.	Angular stomatitis	Lihat di antara sudut bibir jika ada rekahan	.Gambar <i>Angular Stomatitis</i>  Pecah di tepi bibir berwarna coklat kemerahan, ulser memanjang dari tepi bibir	Rujuk PP untuk pemeriksaan lanjutan

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
5.	Ulser	Periksa bahagian bibir bawah: tarik bibir dengan jari telunjuk dan ibu jari untuk melihat bahagian mukus.	Gambar <i>Aphthous</i> ulser  Boleh terjadi di lidah, buccal mucosa atau lelangit. - Ulser kecil - Sakit - Permukaan warna putih atau kekuningan	Pengendalian JK: Nasihat 1. Minum air dengan banyak 2. Ais pack/ makan ais krim 3. Kumur air garam 4. Kurangkan stress 5. Makan makanan seimbang Rujuk PPP/ PP untuk rawatan Kemungkinan diagnosis: 1. Jangkitan :Virus- contoh: <i>Herpes, Cytomegalovirus, Varicella, Cocksackie virus, Syphilis, Fungal</i> 2. <i>Autoimmune-SLE</i> 3. Stress 4. Pemakanan tidak sihat- kekurangan Vitamin, Asid folik atau Zat Besi
6.	Gigi	Arahan pelajar membuka mulut dengan luas.	Perhatikan semua gigi dan gusi jika terdapat karies atau penyakit gusi.	Rujuk Doktor gigi

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	Tekak			
1.	Tonsil normal	Pemeriksaan kerongkong		
2.	Tonsil bengkak	Kedudukan kepala tegak dan minta buka mulut dengan luas. Periksa lelangit dan lihat posisi uvula. Perhatikan jika ada ulser, kemerahan atau bintil <i>vesicles</i>.	- Kelenjar tonsil akan kelihatan besar/ bengkak, merah dan kebiasaan terdapat selaput dan tompok - tompok putih (nanah) di atasnya. - Demam - Susah untuk menelan kerana sakit tekak - Nafas berbau busuk. - Bunyi suara yang garau - Susah menelan - Sakit telinga - Sakit kepala - Bengkak pada kelenjar (<i>lymph node</i>) di leher	Rujuk PPP/ PP untuk rawatan. .
	Lidah			
1.	Lidah licin (<i>Smooth tongue</i>)	Minta pelajar jelir lidah. Perhatikan warna, kelembapan, <i>papila</i>, sisi dan bahagian bawah.	Gambar Lidah licin  Lidah kelihatan licin. Periksa tanda-tanda anemia	Pengendalian JK: Nasihat pemakanan oleh JK/PPP Rujuk PP

BIL	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
2.	Sianosis Diakibatkan oleh kurang kandungan oksigen dalam darah	Minta pelajar jelir lidah. Perhatikan warna lidah.	Gambar bibir dan lidah kebiruan (sila lihat tangan juga) 	Rujuk PP Kemungkinan diagnosis: 1. Masalah jantung- <i>Congenital heart disease, Tetralogy of Fallot, Transposition of great arteries</i> 2. Masalah respiratori – <i>Pulmonary hypertension, Bronchitis</i> 3. Masalah darah- <i>Polycythemia, Methemoglobinemia</i> 4. Altitud tinggi
3.	Thrush (keputihan Lidah)	Lidah : Minta pelajar jelir lidah. perhatikan warna, kelebapan, <i>papila</i> , sisi dan bahagian bawah.	Gambar <i>thrush</i> (keputihan lidah)  Tompokan putih pada lidah yang sukar ditanggalkan	Rujuk PP Syrup Nystatin 100,000 unit setiap 6 jam dikemam dalam mulut selama 5 minit sebelum di telan. Faktor risiko: 1. Imuniti rendah – AIDS, pengambilan steroid yang kronik, Diabetes Mellitus, pengambilan ubat kemoterapi 2. Kerap mengambil antibiotic

UNIT 7 : TELINGA DAN UJIAN PENDENGARAN

PEMERHATIAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
	Pemeriksaan telinga merangkumi pemeriksaan cuping telinga, rongga, membran timpanik dan benjolan mastoid serta fungsi telinga. Pemeriksaan rongga telinga dan membrane timpanik memerlukan alat otoskop. Pembersihan rongga telinga dilakukan (apabila perlu) sebelum melakukan pemeriksaan		
1. Kecacatan cuping	Pemerhatian: Duduk dengan selesa dalam persekitaran yang terang. Periksa telinga luar (cuping).		Rujuk PP Rujukan: Manual penjagaan telinga dan pendengaran di peringkat Kesihatan Primer Julai 2006.
2. Lelehan telinga	Pemeriksaan telinga tengah: Tarik cuping telinga keatas dan kebelakang sedikit dan periksa rongga telinga. Lakukan pemeriksaan otoskopi.	• Cecair atau bernanah dari telinga luar. • Mukoid atau mukopurulen dari telinga tengah. • Berdarah atau bercampur darah - trauma, barah, kolesteatome. • Berbau - berpunca dari kolesteatoma	
3. Jangkitan Telinga	Pemerhatian: Duduk dengan selesa dalam persekitaran yang terang. Periksa telinga luar (cuping).	• Cuping- - <i>Perichondritis</i>: Cuping telinga sakit, bengkak, merah dan berkilat • Saluran telinga Sakit ketika mengunyah, bengkak saluran telinga, kurang pendengaran	

PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
		- <i>Furunkulosis</i> : jangkitan setempat - <i>Diffuse Otitis Externa</i> : jangkitan menyeluruh akibat bakteria atau kulat	
4. Telinga berdarah	Pemerhatian	- Darah kering atau mengalir dari telinga murid - Kenalpasti samada pendarahan di telinga luar atau telinga dalam	Pengendalian JK/PPP : Luka di telinga luar - Cuci luka dan beri rawatan ringan Luka telinga luar - Rujuk ke klinik dengan segera - Maklum kepada guru keadaan murid - Hubungi ibu bapa atau penjaga sekira perlu Rujukan: Manual penjagaan telinga dan pendengaran di peringkat Kesihatan Primer Julai 2006.
5. Impacted wax (Serumen telinga padat)	- Murid mungkin mengadu sakit telinga. - Pemeriksaan dalam telinga	- Sakit telinga - Kurang pendengaran	Rujuk PPP/ PP Rujukan: Manual penjagaan telinga dan pendengaran di peringkat Kesihatan Primer Julai 2006.

PEMERHATIAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
6. Saringan Pendengaran	Saringan Pendengaran: Dapatkan maklumat dari guru mengenai status pendengaran murid dalam bilik darjah (khusus untuk murid tahun 1) Ujian ringkas – Syarat: pemeriksaan perlu senyap - Bisik dengan perlahan ke belakang telinga murid. Minta murid ulangi perkataan yang di sebut. - Ambil sehelai kertas dan renyukkan kertas di belakang telinga murid. Tanya samada murid dapat mendengar bunyi atau tidak	Murid didapati - Tidak memberi perhatian dalam kelas - Tidak menoleh bila dipanggil - Tidak memberi reaksi apabila terdengar bunyi yang kuat	Rujuk PP untuk ujian pendengaran Rujuk untuk pemeriksaan audiometri Rujukan: Manual penjagaan telinga dan pendengaran di peringkat Kesihatan Primer Julai 2006.

UNIT 8 : LEHER

	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
1.	Leher	Pemeriksaan leher dibuat dari hadapan, belakang dan kedua-dua sisi dalam pencahayaan yang terang dan mendedahkan keseluruhan leher dan bahu.	Perhatikan: Perubahan warna pada kulit leher Pembengkakan pembuluh darah Pembengkakan pada hadapan dan sisi leher (kelenjar tiroid/ kelenjar limfa) Jika ada pembengkakan perhatikan jika pembengkakan bergerak ketika menelan atau semasa lidah di keluarkan	Rujuk PP jika terdapat pembengkakan yang abnormal
2.	Goiter (Pembengkakan kelenjar tiroid)	- Pemeriksaan kelenjar tiroid dibuat dengan menggunakan dua tangan - Pemeriksa berada di belakang pelajar. - Kedudukan kepala pada neutral atau sedikit tunduk. - Pastikan kebengkakan dengan menyuruh pelajar menelan air liur/ air. - Rasa tekstur dan saiz kelenjar tiroid - Lihat tanda-tanda lain <i>thyrotoxicosis</i>(eg: tapak tangan berpeluh dan tremor)	Pembengkakan kelenjar tiroid 	Rujuk PP jika terdapat pembengkakan yang abnormal
3.	Tortikolis	Arahan pelajar memalingkan muka ke kanan dan kiri pada tahap maksimum untuk mengesan limitasi pergerakan	- Kelihatan kepala senget sebelah. - Boleh kelihatan facial asymmetry (chronic) - Otot leher bengkok dan pendek	Pengendalian JK: Lakukan ujian penglihatan Rujuk PP jika terdapat pembengkakan yang abnormal


	PEMERHATIAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
4.	Bengkak kelenjar limfa	Pemeriksaan leher secara sistematik. Rasa kelenjar di bahagian hadapan, bahagian belakang dan sisi leher serta di bawah dagu pelajar.	Bonjolan/ pembengkakan dapat di rasa	Rujuk PP jika terdapat pembengkakan yang abnormal
5.	Webbing Neck	Pemerhatian pada leher	Gambar <i>Webbing Neck (Turner Syndrome)</i>  • Leher yang melebar kedua-dua sisi • Jarak antara puting payu dara jauh (bukan pada kedudukan normal)	Rujuk PP jika abnormal Kemungkinan diagnosa: 1. <i>Turner syndrome</i> 2. <i>Noonan syndrome</i> 3. <i>Klippel-Feil syndrome</i>

UNIT 9 : TANGAN DAN LENGAN

PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
Kuku	Kebersihan kuku		Pengendalian JK : Penjagaan kebersihan kuku
1. Bentuk kuku a. <i>Koilonychia (spoon nail)</i>	Kuku berbentuk sudu	a. Kuku berbentuk sudu. (contoh: kekurangan zat besi, keturunan, <i>Plummer-Vinson Syndrome</i>) 	Pengendalian JK : 1. Nasihat pemakanan seimbang terutama zat besi 2. Penjagaan kebersihan kuku Rujuk PP
b. Kuku rapuh c. <i>Clubbing</i>	Kuku kelihatan tidak sihat	b. Kuku mudah patah. (contoh: kekurangan zat besi atau masalah tiroid dan jangkitan fungus) c. Clubbing 	
		Tanda pelbagai penyakit berkaitan dengan respiratori, hati, tiroid, jantung sianotik dan mungkin keturunan.	


	PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	TINDAKAN DAN RAWATAN
2.	Scabies (kudis buta)	Pemeriksaan kedua-dua belah tangan	Rujuk unit 15(Kulit) Kudis pada tangan terutama di celah-celah jari	Rujuk PP
3.	Lengan	- Memeriksa kedua-dua belah lengan secara keseluruhan untuk mengesan kecacatan. - Parut BCG: • Pemerhatian dan pemeriksaan parut di bahu kiri pelajar • Bagi murid yang dilahirkan di luar negara, perhatikan di tapak kaki atau bahagian lain badan	Lengan yang tidak sama atau <i>atrophi/hypertrophy</i> (lengan yang kecil/cacat) - Tiada parut - <i>Pin point scar</i> - Parut	Rujuk PP Pengendalian JK : Sekiranya tiada parut bagi murid tahun 1 beri suntikan BCG . Periksa parut selepas 3 bulan jika masih tiada parut rujuk Pegawai Perubatan.
4.	Kecacatan jari	<i>Polydactily</i> (jumlah bilangan jari yang lebih)		Rujuk PP jika mengganggu fungsi dan aktiviti harian atau murid merasa rendah diri/ malu

UNIT 10 : DADA

PEMERHATAN	KAEDAH PEMERIKSAAN	TANDA-TANDA	RAWATAN
